

26 SEP 2000

Wanita-Ikrar/I

RSC-AP IKRAR USAHA BERTERUSAN ATASI KEMISKINAN DI KALANGAN WANITA DESA

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Kemajuan ekonomi wanita Desa dan Kepulauan Asia-Pasifik (RSC-AP) akan meneruskan usaha bagi menangani isu-isu kritikal mengenai wanita desa dan kepulauan di negara-negara anggota.

Pengerusi RSC-AP Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata jawatankuasa itu akan menggesa kerajaan-kerajaan untuk menyejajarkan pelaksanaan program yang diputuskan untuk wanita miskin di negara masing-masing.

"Kebimbangan utama kami ialah bagi memperbaiki kehidupan mereka yang malang, mereka yang dieksploitasi, sukar didekati dan kumpulan masyarakat yang kerap dilupakan iaitu wanita desa dan kepulauan," katanya dalam ucapan aluan pada mesyuarat kedua RSC-AP di sini hari ini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Siti Hasmah berkata jawatankuasa itu merancang untuk menjalankan aktiviti di peringkat rantau kecil mengenai isu-isu penting membabitkan wanita desa dan kepulauan di kawasan masing-masing pada masa depan.

"Kami mesti memastikan semua program sampai kepada sasaran iaitu wanita miskin di kampung-kampung," katanya.

RSC-AP diwujudkan pada 5 Sept, 1995 dengan matlamat utamanya untuk memantau pelaksanaan pelan bertindak bagi Deklarasi Geneva untuk kemajuan wanita desa.

RSC-AP dianggotai Australia, Tonga, Filipina, China, Indonesia, Maldives, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Kazakhstan, Laos, Mongolia, Pakistan, Iran, India, Papua New Guinea dan Malaysia.

Seramai 150 peserta menghadiri persidangan itu.

-- BERNAMA

NM AHH LAT